

# Pinda akta disiplinkan majikan, kurangkan nahas di tempat kerja



Oleh Dr Kamal Halili Hassan  
bhrencana@bh.com.my

**Alam** pekerjaan terdedah kepada pelbagai risiko kemalangan dan kes nahas di tempat kerja sama ada ke atas pekerja atau orang awam yang juga sering dilaporkan berlaku kebelakangan ini.

Kemalangan menyebabkan kehilangan nyawa atau kecederaan. Kemalangan tragik kerap berlaku dalam projek pembinaan seperti ditimpa bahan binaan, besi atau kren runtuh, melecur kerana bahan kimia, tersepit mesin atau dilanggar jentera dan jatuh dari tempat tinggi.

Ringkasnya, pelbagai jenis kemalangan berlaku di tempat kerja sama ada berskala kecil atau besar. Kerajaan memandang serius jumlah kemalangan pekerja di tempat kerja menjejaskan produktiviti perusahaan.

Pekerja yang mengalami kemalangan tidak dapat bekerja atau meninggalkan kesan trauma kepada mangsa dan keluarga. Jumlah kemalangan pekerjaan menurut statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada Oktober 2021 dalam pelbagai sektor ialah 5,415 kes.

Langkah utama kerajaan mengurangkan kemalangan di tempat kerja ialah mewujudkan perundangan memberi kuasa kepada JKKP bertindak bagi mencapai tujuan perundangan diwujudkan. Tujuan utama perundangan ialah mengurangkan jumlah kemalangan pekerjaan ke tahap minimum.

Namun, nahas di tempat kerja masih pada kadar relatif tinggi. Justeru, perundangan dikuatkuasakan ke atas majikan dan pekerja supaya patuh peraturan ditetapkan untuk seterusnya menghidupkan budaya selamat di tempat kerja.

Negara ini sejak sekian lama mempunyai dua perundangan berhubung keselamatan industri iaitu Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139) serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).

Akta 139 memastikan keselamatan bekerja di kilang, pembinaan bangunan dan kuari, manakala Akta 514 lebih menyeluruh ke atas hampir semua industri dan tempat kerja.

Kerajaan mengambil langkah positif dalam usaha mengurangkan kemalangan di tempat kerja dengan memansuhkan Akta Kilang dan

Jentera 1967 serta meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pemansuhan dan pindaan akta berkenan yang diluluskan di Parlimen baru-baru ini sedang menunggu tarikh penguatkuasaannya melalui pemberitahuan dalam Warta Kerajaan.

Sungguhpun Akta 139 dimansuhkan, beberapa asas peruntukan penting akta itu dimasukkan ke dalam Akta 514. Hal ini bagi memastikan perkara penting dalam Akta 139 yang kebanyakannya berkaitan hal ehwal operasi kilang, pembinaan dan kuari diteruskan dalam Akta 154, terutamanya berhubung pendaftaran.

Usaha mengurangkan kemalangan di tempat kerja memerlukan kerjasama semua pihak daripada peringkat majikan, kontraktor dan pekerja. Majikan adalah pihak utama dipertanggungjawab dalam undang-undang untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Begitu juga kontraktor memikul tanggungjawab sama kerana hampir semua projek dalam pelbagai aktiviti industri mesti membabitkan pihak kontraktor.

Faktor kemalangan kebanyakannya disebabkan kecuai manusia. Dalam konteks ini, pekerja harus berhati-hati ketika bekerja bagi mengelak berlaku kemalangan menyebabkan kecederaan atau kematian kepada diri sendiri, rakan sekerja atau orang awam.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2020) diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini serentak dengan pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967.

Tujuan pemansuhan Akta 139 ialah untuk mewujudkan satu akta tunggal dalam pengurusan dan penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kini akta tunggal berkenaan ialah Akta 514 berserta pindaannya.

Beberapa perkara penting keselamatan pekerjaan dimasukkan dalam pindaan Akta 514 seperti tatabara kecemasan, pelantikan orang berlesen, hubungan prinsipal dan kontraktor, pentaksiran risiko, hak pekerja dan kenaikan penalti denda.

Pertama, keperluan kewajipan majikan untuk mewujudkan tatabara kecemasan. Hal ini kerana tatabara atau pelan kecemasan di tempat kerja adalah penting bagi menghadapi saat genting atau bencana seperti kebakaran besar, tanah runtuh atau kemalangan lain yang boleh menyebabkan cedera parah atau kematian.

**Kedua**, pewujudan 'orang berlesen'. Maksud

orang berlesen ialah pihak ketiga yang boleh dilantik untuk menjalankan tugas tertentu pegawai JKKP. Tugas orang berlesen menjalankan sebahagian fungsi pihak JKKP dinyatakan dalam pindaan baharu itu.

Tujuannya ialah membantu tugas penguatkuasaan pegawai JKKP seperti pemeriksaan loji, kilang serta mengeluarkan perakuan kelayakan.

Namun, akta menetapkan syarat ketat berse sama pemberian kuasa kepada orang berlesen supaya tidak berlaku penyalahgunaan kuasa.

**Ketiga**, dunia perniagaan sering membabitkan antara prinsipal dengan kontraktor. Prinsipal di sini dirujuk sebagai pemilik projek.

Pemilik projek akan melantik kontraktor bagi menjalankan projek. Lazimnya kontraktor pula akan melantik subkontraktor. Justeru, apakah penetapan kewajipan menjaga keselamatan pekerjaan dalam situasi seperti ini?

Prinsipal atau pemilik projek perlu memastikan keselamatan pekerjaan terhadap kontraktor dilantik serta pekerja kontraktor pada masa kerja dilakukan. Kewajipan itu wujud dalam situasi prinsipal atau pemilik projek mengarah atau mengawal pelaksanaan kerja.

Jika kontraktor tidak diarah atau dikawal prinsipal, maka prinsipal atau pemilik projek terlelap kewajibannya. Kontraktor akan bertanggungjawab sepenuhnya.

**Keempat**, pentaksiran risiko ialah pengukurannya. Beberapa faktor diambil kira sebelum kesimpulan dibuat sama ada risiko atau sesuatu bahaya itu pada tahap tinggi, sederhana atau rendah.

**Kelima**, hak pekerja diperkemas kini lagi dalam pindaan Akta 514 baharu ini. Pekerja tidak boleh diambil tindakan atau menjadi mangsa diskriminasi majikan atas alasan pembabitian dalam jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta membuat aduan berhubung pelanggaran peruntukan Akta 514.

Banyak perkara dilaksanakan JKKP untuk mempertingkatkan tahap keselamatan pekerjaan di tempat kerja seperti keperluan pekerja mengikuti latihan berterusan serta pelantikan dan peranan penyalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Bagaimanapun, tindakan JKKP selama ini banyak dilaksanakan secara pentadbiran. Justeru, dengan pindaan Akta 514, hal seperti pelantikan orang kompeten, pelantikan penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan status penyedia latihan berdaftar diperuntukkan dalam Akta 514 melalui pindaan 2020/2021.

Hukumam antara alat berkesan memaksa pematuhan masyarakat kepada sesuatu peruntukan perundangan. Dalam hal ini, pindaan Akta 514 menaikkan jumlah denda ke atas pesalah sebanyak RM500,000 maksimum atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya.

Dengan kenaikan hukuman ini diharapkan pemain industri akan memberikan keutamaan kepada isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan lebih tinggi lagi.

Secara keseluruhannya, pindaan Akta 514 adalah tindakan kerajaan yang positif. Semua pihak iaitu majikan, kontraktor dan pekerja wajib mematuhi perundangan ini agar tercapai hasrat kerajaan mengurangkan jumlah kemalangan di tempat kerja.

